

PEMODENAN MASYARAKAT PENEROKA FELDA SEMARAK, JENGA 15 PAHANG

(The Modernization of the Settlers of Felda Semarak Jengka 15 in Pahang)

Mohd Zufri Mamat
mdzufri@um.edu.my

Mohd Hazim Shah Abd. Murad
drhazim@um.edu.my

Fakulti Sains
Universiti Malaya

Abstrak

Perbincangan mengenai pemodenan sering dikaitkan dengan perubahan nilai. Di Barat, modenisasi dikaitkan dengan keterbukaan masyarakatnya menerima perubahan dari aspek pemikiran dan kesediaan meliberalkan nilai tradisional. Wacana pemodenan Melayu juga tidak terlepas daripada menyentuh isu anjakan nilai. Pada satu pihak, terdapat stigma untuk mengekalkan nilai tradisional dalam usaha pembangunan dan pemodenan, dan pada satu pihak yang lain nilai tradisional dianggap perlu bagi jati diri dan identiti budaya, maka wujudlah suatu dilema. Dengan mengambil model pemodenan Melayu luar bandar oleh FELDA sebagai kajian kes, makalah ini akan mengupas isu pemodenan Melayu dengan membentangkan satu perspektif berdasarkan konsep “kemodenan pelbagai” yang mencadangkan modenisasi sebagai sesuatu yang boleh mengambil pelbagai bentuk. Idea ini bertentangan dengan teori modenisasi konvensional oleh Marx, Durkheim atau Weber yang menganggap pemodenan sesuatu masyarakat perlu mengikut perubahan dan perkembangan sepertimana yang telah berlaku di Barat. Penulis berpandangan bahawa pemodenan masyarakat Melayu mengambil bentuk berbeza daripada konteks pemodenan Barat kerana setiap masyarakat tidak berdiri secara vakum malah mempunyai struktur institusi sosialnya yang tersendiri dan perlu dihormati.

Kata kunci: pembangunan, pemodenan Melayu, nilai, sikap, modenisasi konvensional, kemodenan pelbagai

Abstract

In discussion, modernization is often associated with changes in value, and in the Western concept of modernization it is associated with the openness of the community to accept change in thinking and the willingness to liberalize traditional values. The discourse on Malay modernization is also not insulated from touching on issues of changing values. Some people feel that traditional values do not have a place in the community's development and modernization efforts, while on the other hand preservation of traditional values is seen as essential for cultural identity and authenticity—hence leading to a dilemma. Taking the model of the modernization of rural Malays by FELDA as a case study, this paper will discuss the issue of Malay modernization by presenting a perspective based on the concept of “multiple modernities” which proposes modernization as something that can take various forms. This idea is contrary to the theory of conventional modernization by Marx, Durkheim or Weber, which considers societal modernization as having to follow the same path of change and development as in Western society. We suggest that the modernization of Malay society has taken a different form compared to the West, since no society exists in a vacuum but has its own unique structure of social institutions, which needs to be respected.

Keywords: development, modernity, Malay modernization, values, attitudes, conventional modernization, multiple modernities

PENDAHULUAN

Modenisasi seringkali dikaitkan dengan sains, teknologi dan perindustrian malah masyarakat moden dikatakan sebagai masyarakat yang mampu menyerap dan menerima sains dan teknologi (S&T).¹ Dalam masyarakat moden kesan serta pengaruh sains dan teknologi dapat dilihat dengan jelas. Tidak seperti masyarakat tradisional, pengaruh serta kedudukan sains dan teknologi dalam masyarakat moden dikatakan telah jauh berubah. Perubahan ini ditunjukkan apabila fungsi, peranan dan jenis teknologi dalam kehidupan masyarakat moden turut berubah. Dalam masyarakat tradisional, teknologi tidak memberi impak yang besar kepada kehidupan mereka. Bertentangan dengan itu, teknologi dalam masyarakat moden memainkan peranan yang lebih khusus sifatnya. Dengan menguasai teknologi, keupayaan mereka untuk menguasai pelbagai aspek kehidupan, seperti keperluan fisiologi, sosial, ekonomi dan politik semakin meningkat. Malah lebih jauh daripada itu, keadaan ini menunjukkan semakin banyak tugas tradisi manusia diambil alih oleh pelbagai jenis dan bentuk teknologi. Teknologi berlaku secara tidak langsung atau melalui perancangan yang tertentu dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan dan memudahkan kerja.²

Bilton dalam bukunya *Introductory Sociology* menerangkan bahawa kehidupan masyarakat moden banyak dipengaruhi dan ditentukan oleh teknologi dengan timbulnya konsep jam masa (*clock-time*) atau hidup berjadual. Keadaan ini dikatakan berpunca daripada peningkatan aktiviti pertanian dan pengeluaran pada kurun ke-18 dan 19. Jika pada zaman sebelumnya, iaitu disebutkan sebagai “pramoden”, cara dan disiplin kerja banyak ditentukan oleh faktor alam semula jadi, seperti cuaca, dan kekangan masa seperti, musim atau komitmen kepada tugas sosial yang lain. Hal ini berbeza dengan yang berlaku pada era perindustrian, kehidupan ditentukan oleh jadual yang tetap dalam sistem moden.³ Bilton menerangkan keadaan ini dengan mengatakan:

*... prior to the development of industrial capitalism, work-rhythms were set by factors such as the period of daylight, the breaks between tasks and the constraints of deadlines or other social duties. Industrial life, in contrast, was regulated by the clock. Factory production implied the synchronization of labour- it began punctuality, had a steady pace and took place for set hours and on particular days of the week. In addition, the clock injected a new urgency to work. For both employer and employee “time is now currency: it is not passed but spent”.*⁴

Sains dan teknologi juga biasanya hadir melalui proses pengindustrian dan dilihat memberi kesan yang besar kepada masyarakat feudal Eropah dengan mengubah cara hidup tradisional mereka. Melalui Revolusi Perindustrian yang berlaku pada kurun ke-17, masyarakat Barat telah mencapai kemajuan fizikal yang banyak menyelesaikan masalah pengangguran, makanan dan kesihatan yang merupakan masalah sosioekonomi yang telah lama membelenggu mereka. Kemajuan fizikal yang dicapai melalui pengindustrian ini membolehkan pelbagai kemudahan dan prasarana untuk meningkatkan kualiti hidup disediakan. Dalam konteks ini, pengindustrian bukan sahaja dilihat sebagai proses transformasi masyarakat dan modenisasi malah menjadi cara untuk melakukan pembangunan. Smelser, sebagai contoh, dalam bukunya *Social Change in the Industrial Revolution: An Application of Theory to the British Cotton Industry* menerangkan revolusi perindustrian yang berlaku di Eropah yang telah mempengaruhi institusi sosial masyarakat tersebut misalnya dari segi nilai, struktur kekeluargaan, pekerjaan dan sistem ekonomi.⁵

Pengalaman Revolusi Perindustrian Barat menunjukkan bahawa S&T mempengaruhi perubahan dan akhirnya membawa kepada pemodenan masyarakat itu. Dalam masyarakat, penyebaran S&T dapat berlaku melalui elemen, seperti inovasi, saluran komunikasi, masa dan sistem sosial.⁶ Daripada proses penyebaran tersebut, S&T memperlihatkan peranannya dengan mempengaruhi bentuk institusi

sosial masyarakat. Idea ini boleh dikaitkan dengan prinsip yang dikenali sebagai faham penentuan teknologi [*technological determinism* (TD)]. Prinsip TD secara khusus menekankan peranan teknologi⁷ dalam menentukan struktur sosial masyarakat dengan mengandaikan setiap individu atau organisasi dalam masyarakat tersebut perlu menerima, menyerap dan menyesuaikan diri dengan teknologi dan lebih daripada itu melibatkan pula perubahan kepada semua aspek kemasyarakatan.

Menurut prinsip TD, teknologi dilihat sebagai faktor yang memberi bentuk kepada masyarakat dan didakwa juga sebagai “penyebab” dan “bertanggungjawab” kepada perubahan sosial.⁸ Oleh itu, TD boleh difahami sebagai “peranan teknologi sebagai elemen yang memberi bentuk kepada masyarakat, sebagai faktor yang bebas dan “diluar” masyarakat, namun begitu, mempunyai pengaruh sebagai punca kepada perubahan keseluruhan struktur sosial masyarakat”. TD dilihat menjadi asas untuk menerangkan perubahan dalam masyarakat walaupun diakui sebenarnya terdapat faktor yang pelbagai untuk menjelaskan keadaan tersebut. Hal ini ekoran daripada tanggapan bahawa kesan teknologi sebagai faktor penentu perubahan adalah tidak sama kepada semua masyarakat atau dalam semua keadaan.⁹ Masyarakat yang berbeza mempunyai interpretasi berbeza terhadap teknologi.¹⁰ Walau bagaimanapun, idea yang dianjurkan oleh TD bukanlah langsung tidak berguna kerana kaedah ini masih boleh digunakan untuk memahami peranan dan pengaruh teknologi dalam menentukan perubahan sistem pekerjaan.

Jika disorot dalam konteks Barat juga, perubahan masyarakat mereka bermula dengan modenisasi kemasyarakatan (*societal modernization*), modenisasi kebudayaan (*cultural modernization*), modenisasi politik (*political modernization*) dan seterusnya membawa kepada modenisasi ekonomi (*economic modernization*). Proses ini melalui sejarah yang panjang melibatkan rasionalisasi dari aspek sosial dan kebudayaan sebelum berlakunya Revolusi Perindustrian sekitar kurun ke-18.¹¹ Modenisasi kebudayaan di Barat bermula dengan *renaissance* dan reformasi agama, sementara modenisasi kemasyarakatan pula melibatkan transformasi sosial dengan wujudnya sistem ekonomi perindustrian, pentadbiran yang birokratik, mobiliti dan urbanisasi. Selain itu, melibatkan juga transformasi kognitif dari segi peningkatan kesedaran terhadap aplikasi S&T dalam masyarakat.¹² Ringkasnya, modenisasi di Barat menampakkan perubahan menyeluruh melalui transformasi sistem sosial termasuk perubahan dari aspek nilai dan kepercayaan.

Di dunia bukan-Barat (*non-western*), modenisasi mengambil proses berbalik daripada yang berlaku di Barat dan tidak semestinya boleh diterangkan mengikut model penjelasan modenisasi Barat.¹³ Eisenstadt misalnya mengemukakan idea kemodenan pelbagai (*multiple modernities*) untuk melihat modenisasi sebagai sesuatu yang mempunyai pelbagai bentuk, boleh mengambil rupa yang berbeza

dalam masyarakat yang berbeza dan tidak semestinya dirujuk dalam konteks Barat. Dengan kata lain, sesuatu masyarakat itu boleh dikatakan “moden” walaupun pada masa yang sama mungkin masih mengekalkan norma tradisi mereka.¹⁴ Pandangan ini membawa dimensi berbeza dalam memahami modenisasi dan bertentangan dengan teori konvensional seperti yang dikemukakan oleh Marx, Durkheim atau Weber yang mendakwa modenisasi melibatkan perubahan dari semua aspek kemasyarakatan termasuk perubahan nilai.

Kelihatannya, pengaruh S&T terhadap pemodenan sesuatu masyarakat menjadi satu isu yang menarik untuk dibincangkan. Pelbagai persoalan boleh ditimbulkan. Soalan awal tentunya, bagaimana pemodenan berlaku melalui S&T dalam sesuatu masyarakat? Soalan lanjutan dalam ruang yang lebih kritikal; apakah kesan pemodenan melalui S&T kepada masyarakat? Adakah kesan tersebut sama dalam konteks semua masyarakat? Adakah pemodenan ini turut menuntut kompromi; atau lebih buruk lagi peminggiran secara total terhadap nilai tradisional sesuatu masyarakat? Adakah persoalan ini boleh difahami melalui kerangka penjelasan tunggal mengikut pengalaman modenisasi Barat?

Untuk menjawab persoalan itu, makalah ini akan mengupas pengaruh S&T terhadap pemodenan masyarakat Melayu luar bandar melalui proses rasionalisasi pengeluaran kelapa sawit oleh FELDA. Perubahan yang dilihat sebagai kesan rasionalisasi tersebut akan ditunjukkan dari segi perubahan kognitif, sistem sosial, ekonomi dan nilai. Sebagai kajian kes, Felda Semarak yang terletak di Jengka 15, Pahang, menjadi pilihan kerana kawasan ini merupakan penempatan yang tersusun di bawah pembangunan tanah oleh FELDA dan dapat dianggap telah mencapai tempoh matangnya. FELDA Semarak terletak dalam wilayah Jengka yang merupakan gugusan FELDA terbesar di Malaysia terletak di negeri Pahang Darul Makmur. Gugusan Jengka juga dikenali sebagai Segi Tiga Jengka kerana kedudukannya yang meliputi tiga daerah, iaitu Temerloh, Jerantut dan Maran. Felda Semarak merupakan satu antara 25 tanah rancangan yang berada di dalam Gugusan Jengka dan dibuka sekitar tahun 1975 dan mempunyai seramai 385 keluarga peneroka.


S&T DAN RASIONALISASI PENGELUARAN KELAPA SAWIT FELDA¹⁵

Penyebaran S&T boleh dilihat dengan jelas melalui proses pengeluaran kelapa sawit FELDA, iaitu bermula daripada pembukaan tanah sehinggalah kepada pemprosesan kelapa sawit di kilang. Melalui penyelidikan dan pembangunan yang dilakukan, FELDA mengeluarkan garis panduan bagi memastikan amalan dan kaedah kerja selari dengan pengetahuan S&T. Garis panduan ini menjadi manual kerja yang perlu

dipatuhi oleh setiap peneroka di tanah rancangan dan dipantau oleh kakitangan FELDA. Kaedah ini dilihat sebagai cara pengetahuan S&T dalam pengeluaran kelapa sawit disampaikan kepada peneroka. Proses penyebaran dilakukan dengan beberapa pendekatan, seperti senarai kehadiran (*role-call*), penerangan ringkas dan pemantauan. Faktor penting bagi membolehkan berlakunya pemodenan ialah agen kepada modenisasi tersebut. Dalam kes kajian ini, agen modenisasi ini terdiri daripada:

- Kakitangan FELDA, iaitu pengurus, pegawai dan penyelia ladang.
- Kakitangan FELDA Technoplant Sdn. Bhd., iaitu pengurus, penolong pengurus dan penyelia ladang.

Di Felda Semarak, kakitangan ini berperanan menyampaikan segala dasar dan polisi pengurusan yang diasaskan pada pengetahuan S&T kepada peneroka untuk melakukan kerja di ladang berkeluasan 1574.84 hektar (Rajah 1). Kakitangan ini



Rajah 1 Peta kawasan ladang FELDA Semarak, Jengka 15, Pahang.

diberikan latihan di pusat latihan FELDA untuk menyediakan pengetahuan yang lengkap dalam soal pengurusan ladang. Latihan yang diterima dari semasa ke semasa ini sangat penting bagi membolehkan mereka memberi penerangan dan tunjuk ajar kepada peneroka tentang prosedur yang betul melakukan kerja di ladang mengikut manual kerja atau SOP (*standard operation procedure*) yang dikeluarkan oleh FELDA.

SOP yang berasaskan pengetahuan S&T ini mempengaruhi prosedur kerja peneroka, iaitu dari aspek teknik, alat dan kaedah kerja secara keseluruhan. Disinilah dapat dilihat dengan jelas akan rasionalisasi pengeluaran kelapa sawit dilakukan melalui S&T. Elemen S&T dapat diperhatikan dalam fasa pertama pengeluaran, iaitu melibatkan kerja penerokaan tanah, pembinaan jalan pertanian dan saluran. Dalam sistem penanaman kelapa sawit, pembinaan saluran atau longkang amat perlu untuk mengalirkan air dari kawasan ladang ke sungai. Saliran kecil dibina terlebih dahulu di dalam kawasan ladang untuk membawa air ke saluran utama. Antara tujuan utama saluran ini adalah untuk memulihara air dan tanah, mengurangkan dan mengelakkan hakisan tanah, mengurangkan kehilangan nutrien semasa aktiviti membaja dilakukan, menjaga kesuburan tanah dengan mengekalkan humus pada permukaan tanah atas dan mengekalkan kelembapan tanah.¹⁷

Elemen S&T juga terdapat dalam kerja ukur tanah yang dilakukan untuk membahagikan kawasan ladang kepada lot tertentu selain menentukan jarak tanaman yang sesuai di antara satu pokok dengan pokok yang lain. Penentuan jarak ini bagi memastikan setiap pokok mendapat cahaya matahari yang cukup selain memperoleh nutrien secara sama rata semasa proses membaja kelak. Sebelum melakukan proses penanaman, tanah yang telah dibersihkan tadi akan ditanam dengan tanaman penutup bumi. Tujuannya untuk mengelakkan hakisan tanah dan mencegah anak sawit daripada kehilangan nutrien melalui resapan. Selain itu, untuk menambah kandungan nutrien dalam tanah melalui proses semula jadi oleh tanaman legum. Tanaman penutup bumi ini juga bertindak mengekalkan kelembapan tanah selain menjaga struktur tanah dan mengelakkan kawasan tadi ditumbuhi dengan semak.¹⁸

Peranan S&T dalam rasionalisasi pengeluaran kelapa sawit boleh juga dilihat dalam fasa kedua proses pengeluaran, iaitu melibatkan kerja pengukuran kawasan, penanaman, kawalan makhluk perosak dan penyakit tanaman, kawalan kebersihan, pencantasan pelepah, penuaian, pengumpulan dan penghantaran. Dalam proses penanaman misalnya, anak benih yang telah disemai di tapak semaian dipindahkan ke kawasan tanaman sebenar atau ladang. Di tapak semaian, anak benih kelapa sawit ini disemai dalam keadaan terkawal, iaitu suhu antara 39°–40°C dan bekalan oksigen serta kelembapan yang sesuai untuk memastikannya bercambah dengan baik. Anak benih yang telah bercambah di batas semaian akan dimasukkan ke dalam plastik

semaian. Setiap anak benih kelapa sawit memerlukan sekurang-kurangnya 4.5 liter air seminggu.¹⁹

Melalui peraturan yang ditetapkan dalam SOP melalui pengetahuan S&T, peneroka mempunyai sistem kerja berjadual. Sistem kerja berjadual boleh diperhatikan dalam pencantasan pelepah sebagai contoh. Kerja pencantasan dilakukan untuk membuang pelepah tua, mati, rosak dan berpenyakit bagi mengekalkan kanopi atau rimbunan pokok yang baik. Pencantasan pelepah dilakukan dengan pengetahuan bahawa kanopi yang baik dapat mengekalkan indeks luas daun yang optimum dan membolehkan pengekalan nutrien dan air sebaiknya dalam bahan kering vegetatif seterusnya menghasilkan buah sawit yang baik. Pencantasan dilakukan secara berkala, iaitu 20 hari sekali atau semasa setiap kali proses penuaian dilakukan. Sistem kerja berjadual juga dapat diperhatikan dalam membaja pokok kelapa sawit muda seperti ditunjukkan dalam Jadual 1. Jadual membaja ini berdasarkan pengetahuan S&T mengenai keperluan nutrien pokok kelapa sawit. Pokok dibaja dengan Amonium sulfat, Fosfat batuan dan Muriat kalium dalam nisbah berbeza bergantung pada usia pokok tersebut. Oleh itu, kerja membaja dilakukan setiap tiga bulan sekali sejak mula ditanam hinggalah mencecah usia tiga tahun.²⁰

Jadual 1 Jadual pembajaan kelapa sawit muda.

Masa sejak ditanam (Bulan)	Amonium Sulfat (gm)	Fosfat Batuan (gm)	Muriat Kalium (gm)
3	100	-	100
6	150	250	100
9	200	-	150
12	300	250	200
16	400	750	250
20	500	-	350
24	600	750	400
27	750	-	500
31	750	2000	750
36	1000	-	750

(Sumber: Manual Operasi Ladang Sawit Lestari).

Aplikasi pengetahuan S&T juga dapat dilihat dengan jelas dalam proses penuaian kelapa sawit. Hanya buah sawit yang masak akan dituai, iaitu tandan yang mempunyai sekurang-kurangnya satu biji sawit (relai) yang telah gugur pada tandan

berkenaan. Tandan muda akan menghasilkan perahan dibawah paras optimum dan menyebabkan proses strelisasi menjadi lebih lama serta menimbulkan masalah bahan buangan. Tandan yang terlebih masak pula akan meningkatkan kos tuaian seperti mengambil masa yang lama untuk mengutip buah relai. Tandan jenis ini mempunyai kualiti perahan yang rendah. Proses menuai mempunyai tempoh pusingan yang berbeza misalnya untuk pokok sawit muda yang kurang tiga tahun, pusingan menuai ialah selama 10 hari dan untuk pokok matang sekitar 12 hingga 15 hari sepusingan. Peneroka perlu mematuhi jadual ini bagi memastikan hasil yang optimum. Setelah kelapa sawit dituai sama ada menggunakan “cangkul” khas (untuk pokok kelapa sawit yang rendah) atau menggunakan sabit yang disambung kepada galah (untuk pokok kelapa sawit yang tinggi). Buah kelapa sawit akan dikumpul terlebih dahulu di platform sebelum diangkut dengan lori untuk dihantar ke kilang dalam tempoh 24 jam setelah dituai. Kesegeraan ini perlu untuk mengelakkan terhasilnya sejenis asid yang dipanggil asid lemak bebas (FFA) yang boleh menurunkan kualiti perahan kelapa sawit.²¹

Daripada data yang ditunjukkan, bolehlah disimpulkan bahawa kaedah pertanian yang diamalkan oleh FELDA dalam proses rasionalisasi pengeluaran kelapa sawit melibatkan aplikasi S&T. Pengeluaran yang menggunakan S&T ini dilihat mempunyai rasional utama, iaitu mengoptimumkan pengeluaran dan dengan itu menambah daya saing serta ketahanan FELDA dalam industri tersebut. Daripada proses rasionalisasi ini, peneroka diminta untuk mematuhi peraturan dan amalan pertanian moden mengikut SOP seperti yang dikeluarkan oleh FELDA. Setiap tindakan dalam kerja peneroka ditentukan oleh prosedur tersebut dan tindakan ini akhirnya boleh diterangkan sebagai satu “jelmaan” kepada pemodenan. Keadaan ini boleh difahami melalui idea yang dianjurkan oleh prinsip TD, iaitu S&T bukan sahaja menentukan cara kerja malah mempengaruhi struktur sosial masyarakat peneroka seperti yang akan dibincangkan dalam bahagian berikutnya.

KESAN RASIONALISASI PENGELUARAN KELAPA SAWIT TERHADAP PEMODENAN MASYARAKAT PENEROKA

Kesan penggunaan pengetahuan S&T dalam proses rasionalisasi pengeluaran kelapa sawit bukan sahaja mempengaruhi peneroka dari aspek sistem kerja tetapi turut memberi kesan perubahan kepada beberapa aspek kemasyarakatan yang lain. Kesan rasionalisasi ini terhadap pemodenan masyarakat peneroka di kawasan kajian akan dibincangkan dari aspek perubahan kognitif, sistem sosial, ekonomi dan nilai.

Perubahan Kognitif

TD menjelaskan bahawa perubahan teknologi akan mempengaruhi institusi sosial sesuatu masyarakat. Perubahan teknologi juga menuntut individu dan organisasi itu sendiri untuk menerima dan menyerap inovasi teknologi. Penerimaan terhadap inovasi S&T memperlihatkan perubahan kognitif apabila wujud peningkatan kesedaran terhadap aplikasi S&T dalam masyarakat. Dalam konteks ini, FELDA dilihat mengambil langkah melalui pendekatan yang melibatkan “inovasi itu sendiri” dalam melakukan penyebaran S&T. Pendekatan seperti ini turut disentuh oleh Rogers dalam menerangkan proses penyebaran inovasi saintifik dalam masyarakat.²² FELDA memperkenalkan penggunaan alat dan jentera yang dilihat mempunyai tujuan merasionalkan pengeluaran kelapa sawit melalui penggunaan mesin penyebar (*spreader*) dalam proses membaja di kawasan kajian. Perubahan teknologi pengeluaran dari segi kaedah kerja, iaitu daripada manual kepada penggunaan mesin, memperlihatkan suatu kerationalan kerana kerja dapat dilakukan dengan lebih cepat dan efisien. Hal ini menunjukkan wujudnya pemodenan dalam masyarakat peneroka melalui transformasi sistem kerja tersebut. Selain itu, penyerapan dan penerimaan sistem kerja rasionalisasi kelapa sawit oleh peneroka memperlihatkan kesediaan dan keterbukaan peneroka terhadap sistem pertanian moden. Situasi ini bertepatan dengan definisi masyarakat moden yang melibatkan transformasi kognitif dari segi peningkatan kesedaran terhadap aplikasi sains dan teknologi dalam masyarakat.

Perubahan Sistem Sosial

Proses menuai mungkin menjadi contoh yang paling menarik untuk menunjukkan pengaruh S&T terhadap insititusi sosial masyarakat seperti yang dicadangkan oleh prinsip TD. Di kawasan kajian, hal ini ditunjukkan dalam proses rasionalisasi pengeluaran kelapa sawit. Dalam proses menuai, peneroka mempunyai aturan masa selama 10 hari untuk menyelesaikan satu pusingan tuaian. Kelapa sawit yang dituai hendaklah dihantar ke kilang dalam tempoh 24 jam bagi mengelakkan pembentukan asid lemak bebas (FFA) yang akan merendahkan kualiti perahan sawit. Atas keperluan ini, FELDA telah mewujudkan penempatan peneroka mengikut sistem blok yang terdiri daripada kumpulan, seramai 30 hingga 40 peneroka. Jika diamati, pengetahuan sains dalam kawalan kualiti kelapa sawit bukan sahaja mewujudkan sistem kerja berjadual malah mempengaruhi struktur sosial masyarakat tersebut. Pengaruh S&T terhadap masyarakat peneroka dapat difahami apabila sistem blok seperti ini dilihat memberi susunan sosial baharu dalam masyarakat peneroka di tanah rancangan yang mempunyai pelbagai latar belakang dari seluruh negeri di Malaysia.

Dalam proses rasionalisasi pengeluaran kelapa sawit juga, agen modenisasi seperti pengurus, pegawai dan penyelia merupakan penggerak utama penyerapan pengetahuan S&T kepada peneroka. Penyerapan dan penyampaian pengetahuan S&T melalui proses perkongsian maklumat dalam sistem ekonomi seperti ini mewujudkan bentuk hubungan baharu dalam masyarakat. Hubungan antara kakitangan dan peneroka dikenali sebagai hubungan antara pelatih (*trainers*) dan peserta (*participants*)²³ atau penyampai mesej (*message sender*) dan penerima (*recipient*).²⁴ Hubungan sosial seperti ini merupakan bentuk hubungan profesional berasaskan pekerjaan yang menunjukkan bagaimana struktur sosial sesuatu masyarakat dipengaruhi oleh S&T.

Di kawasan kajian, kerja di ladang pada peringkat awal dilakukan secara berkumpulan mengikut blok masing-masing. Sistem kerja sebegini mirip “gotong royong”. Sistem kerja ini bertujuan memberi peluang kepada peneroka berinteraksi dan lebih mengenali sesama mereka kerana di Felda Semarak, peneroka diletakkan dalam satu penempatan mengikut sistem blok yang datang dari pelbagai negeri di Malaysia. Memandangkan peneroka baru sahaja menyertai tanah rancangan dan datang daripada pelbagai latar belakang sosial dan ekonomi, sistem kerja secara berkumpulan ini dapat membantu mereka membiasakan diri dengan cara dan kaedah kerja yang baharu. Ada antara mereka yang tidak pernah terlibat dalam bidang pertanian sebelum ini tetapi mempunyai rakan lain yang mungkin mempunyai serba sedikit pengalaman bercucuk tanam. Dengan bekerja secara berkumpulan tugas di ladang dapat diselesaikan lebih cepat dan tidak terlalu membebankan peneroka.

Jika dalam masyarakat tradisional, hubungan sosial mungkin diasaskan kepada hubungan kekeluargaan dan persaudaraan, tetapi hubungan sosial yang baharu ini wujud atas dasar profesional, iaitu berasaskan pekerjaan yang lahir dalam masyarakat moden melalui sistem ekonomi. Hubungan sosial seperti ini dapat digambarkan dan difahami dengan melihat hubungan yang wujud antara individu di bandar besar yang menjadi pusat kepada kegiatan ekonomi. Hubungan sosial mereka misalnya hanya atas dasar “pegawai bank dengan pelanggan” atau “peniaga dengan pelanggan”. Kesan pemodenan biasa difahami akan merenggangkan hubungan sosial masyarakat. Walau bagaimanapun, pemodenan melalui rasionalisasi pengeluaran kelapa sawit di kawasan kajian menunjukkan keunikan. Kaedah “gotong-royong” digunakan dalam proses menuai kelapa sawit. Idea ini adalah untuk melakukan kerja dengan lebih cepat untuk mengekalkan kualiti pengeluaran dan berasaskan pengetahuan S&T. Kaedah gotong royong ini secara tidak langsung dilihat dapat mengeratkan hubungan dalam kalangan peneroka. Oleh itu, dalam kes kajian ini, walaupun masyarakat “dikumpulkan” atas dasar memenuhi dan menggerakkan satu sistem ekonomi moden melalui industri

kelapa sawit, hubungan sosial masyarakat tidak boleh diterangkan bersandarkan prinsip TD sepenuhnya. Berdasarkan TD, hubungan sosial yang wujud hasil daripada modenisasi ekonomi moden diasaskan kepada hubungan profesional, iaitu “terhubung” dan “tercipta” atas dasar pekerjaan semata-mata.

Perubahan Sistem Ekonomi

Penyebaran inovasi sains melibatkan idea, data, ilmu, model dan peraturan, dan melalui bahan bercetak.²⁵ Dalam konteks kajian ini, FELDA dilihat mengeluarkan manual untuk dijadikan garis panduan kerja di ladang miliknya. Oleh itu, sistem kerja peneroka ditentukan sepenuhnya oleh SOP. Di sini dapat dilihat bahawa penyebaran inovasi saintifik memberi bentuk dan mempengaruhi sistem kerja peneroka. Peneroka “wajib”, mematuhi manual operasi ini bagi menjamin kualiti pengeluaran dan kerja yang sistematik. Mereka bekerja mengikut jadual seperti yang dapat dilihat dalam kerja membaja.

Amalan pertanian peneroka yang mematuhi prosedur sebenarnya bertujuan untuk memastikan sasaran pengeluaran (*target of production*) dicapai dan bagi memenuhi permintaan yang tinggi terhadap kelapa sawit dalam ekonomi global. Dilihat dari sudut yang lain, hal ini merupakan kesan langsung penyebaran inovasi saintifik. Peneroka tidak lagi bekerja secara terasing tetapi sebenarnya berada dalam satu rangkaian ekonomi moden. Oleh itu, peneroka “terikat” dengan satu sistem kerja yang bersistem dan peraturan yang ketat bagi memenuhi kesemua keperluan pengurusan pengeluaran kelapa sawit seperti yang dikehendaki oleh FELDA. Peneroka juga tidak lagi bebas membuat keputusan dalam soal kerja kerana mereka sebenarnya sebahagian daripada sistem ekonomi moden tersebut. Keadaan ini menunjukkan bahawa peneroka telah mengalami modenisasi dari aspek ekonomi.

Sistem kerja peneroka berbeza daripada sistem ekonomi tradisional di kampung dahulu. Dalam sistem tradisional, pekerjaan bersifat lebih “santai” dan tidak ditekan oleh banyak faktor kecuali mungkin kekangan daripada alam, seperti cuaca atau hanya “diganggu” oleh komitmen sosial yang lain. Sebagai contoh, petani yang mengerjakan tanaman sayuran secara kecil-kecilan dan hanya untuk tujuan sara hidup, sesekali saja sayur dijual kepada jiran apabila diminta. Mereka bebas menentukan masa bekerja atau cara bekerja dan tiada desakan untuk memenuhi sasaran pengeluaran atau tekanan lain dalam pengeluaran. Kerja mereka, paling tidak, hanya terganggu jika hari hujan atau pada sebelah petangnya perlu menghadiri kenduri kesyukuran.

Berbeza dengan sistem tradisional, perubahan sistem kerja yang dialami peneroka membawa kepada satu sistem kerja moden, seperti kerja berjadual, mematuhi masa

yang ditetapkan, dan teknik tertentu untuk memenuhi sasaran pengeluaran bagi memenuhi kualiti pengeluaran. Kerja berjadual dan bersistem dapat dilihat misalnya apabila peneroka perlu membaja mengikut pusingan, iaitu setiap tiga bulan sekali. Begitu juga dengan kerja mencantas pelepah yang dilakukan walaupun hanya setahun sekali tetapi mempunyai keperluan yang signifikan bagi memastikan buah sawit dapat membesar dengan baik. Penyebaran inovasi saintifik dan inovasi teknologi juga memberi kesan dari aspek ketepatan masa. Peneroka perlu bekerja mematuhi masa yang bukan hanya bermaksud “menepati masa” tetapi untuk memenuhi keperluan kawalan kualiti pengeluaran misalnya dalam proses menuai. Perubahan sistem kerja ini sebenarnya menggambarkan ciri masyarakat moden apabila wujud konsep jam masa (*clock-time*) seperti yang dijelaskan oleh Bilton.²⁶

Perubahan Sistem Nilai

Untuk menguji aspek perubahan sistem nilai, satu set soalan kaji selidik telah diedarkan kepada 240 orang peneroka di kawasan kajian. Kaji selidik ini diinspirasikan daripada kajian psikososial yang pernah dilakukan oleh Inkeles di negara, seperti Argentina, Chile, Pakistan, India, Israel, Nigeria, German, Rusia dan Amerika.²⁷ Soalan yang dirangka bertujuan untuk menguji kehadiran ciri personaliti moden dalam kalangan peneroka bagi melihat sama ada pemodenan yang mereka alami turut membawa perubahan nilai.²⁸ Secara ringkas, kaji selidik ini mengajukan soalan kepada peneroka dalam tiga aspek utama, iaitu pertama; “orientasi kepada perubahan”, kedua; “aspirasi” dan ketiga; “kepercayaan” yang secara menyeluruh merangkumkan ciri personaliti moden dalam kalangan peneroka, seperti keterbukaan kepada pengalaman baharu, kesediaan terhadap perubahan sosial, pendapat dan pandangan, masa, kemampuan, perancangan, kepercayaan, kemahiran teknikal dan harga diri.²⁹

Untuk aspek “orientasi kepada perubahan”, soalan terdiri daripada isu pembangunan masyarakat peneroka, seperti dalam aspek sosial, ekonomi dan fizikal. Persepsi peneroka terhadap tanah rancangan dalam aspek ini pada satu lapis menggambarkan persepsi mereka terhadap program pembangunan masyarakat luar bandar oleh kerajaan. Namun, memahami bahawa program pembangunan tersebut merupakan proses penyusunan semula masyarakat daripada sistem ekonomi tradisional di kampung kepada sistem ekonomi moden di tanah rancangan yang antara lain bertujuan untuk membawa perubahan kepada sosioekonomi peneroka. Pada lapis yang lainnya secara terus persepsi ini juga menjelaskan ciri personaliti moden yang hadir dalam kalangan peneroka seperti “keterbukaan kepada pengalaman baharu” dan “kesediaan terhadap perubahan sosial”. Daripada kajian didapati peneroka memberi respons positif dalam aspek ini. Sebagai contoh, apabila hampir kesemua responden

menyatakan bahawa mereka berpuas hati tinggal di tanah rancangan. Setelah hampir 40 tahun menetap di tanah rancangan tersebut, mereka kini telah menerima bahawa inilah “kampung” mereka. Tanggapan peneroka terhadap tempat tinggal mereka ini penting untuk menunjukkan bahawa “penghijrahan” mereka dahulu telah membawa mereka ke tempat yang tetap untuk mengubah hidup. Perubahan tanggapan ini menggambarkan sikap peneroka terhadap “keterbukaan kepada pengalaman baharu” dengan menerima cara hidup baharu di tanah rancangan misalnya dengan sistem kerja moden yang diperkenalkan oleh FELDA.

Dari aspek “aspirasi” pula, satu perkara yang dilihat ialah aspirasi mereka terhadap pendidikan anak-anak. Jika melihat semula latar pendidikan peneroka, kebanyakan mereka hanya mendapat pendidikan peringkat rendah, malah ada juga yang tidak bersekolah. Walaupun begitu, peneroka di kawasan kajian meletakkan keutamaan kepada pendidikan anak-anak. Peneroka mahukan anak-anak mereka mempunyai pendidikan sehingga ke tahap universiti (82 peratus). Ada juga peneroka tidak meletakkan harapan yang terlalu tinggi tetapi mereka masih mengharapkan anak mereka sekurang-kurangnya melanjutkan pelajaran ke kolej (5 peratus), dan 11 peratus menamatkan sekolah menengah dan 2 peratus sekolah rendah. Hasrat dan harapan yang tinggi ini secara tidak langsung memberi gambaran bahawa peneroka percaya hanya dengan pendidikan dapat mengubah kehidupan kepada yang lebih baik. Respons peneroka mengenai pendidikan anak-anak menggambarkan sikap mereka terhadap aspirasi yang tinggi. Walau bagaimanapun, dalam soal bidang ilmu yang diutamakan untuk dipelajari oleh anak mereka, ilmu agama masih menunjukkan pilihan yang tinggi dalam kalangan peneroka. Petunjuk ini menarik, iaitu walaupun berada dalam sistem masyarakat moden yang biasanya memberikan keutamaan kepada ilmu dalam bidang teknikal, peneroka turut memilih ilmu agama sebagai bidang yang penting untuk dipelajari.

Selain aspek aspirasi, tinjauan melalui soal selidik turut melihat aspek kepercayaan, iaitu melibatkan konsep takdir dan nasib. Aspek ini menggambarkan keyakinan dan “kuasa” peneroka untuk mengubah hidup mereka. Persoalan seperti ini ditimbulkan kerana aspek ini memberi implikasi yang besar kepada bentuk modenisasi yang dialami masyarakat peneroka. Daripada kajian yang dilakukan, pandangan peneroka terhadap konsep takdir dan nasib didapati agak seimbang. Apabila mereka ditanya mengenai keupayaan seseorang untuk mengubah hidupnya. Respons sebanyak 65 peratus diberikan oleh peneroka terhadap kepercayaan bahawa nasib boleh diubah, iaitu “Jika dia berusaha, dia pasti berjaya”. 28 peratus lagi memilih nasib mungkin boleh diubah. Peneroka yang mengatakan bahawa nasib sesuatu yang sukar dan tidak boleh diubah sebanyak 4 peratus. Dalam hal ini, boleh disimpulkan bahawa peneroka berpendapat usaha adalah penting jika mahu mengubah kehidupan dan

tidak seharusnya hanya bergantung sepenuhnya kepada nasib. Pandangan peneroka terhadap perkara ini menunjukkan mereka percaya bahawa mereka berkeupayaan untuk mencapai apa yang mereka ingini dalam hidup.

Untuk mengetahui persepsi peneroka terhadap konsep takdir dan nasib, pernyataan seterusnya yang diberikan adalah seperti yang berikut; “Sesetengah orang mengatakan bahawa kecelakaan atau kemalangan disebabkan oleh nasib yang tidak baik. Sesetengah orang pula berpendapat keadaan ini boleh dielakkan asalkan kita mencegahnya dan berhati-hati. Untuk soalan ini peratus tertinggi, iaitu 53 peratus berpendapat bahawa musibah yang berlaku disebabkan oleh kecuaiannya diri sendiri, 40 peratus mengatakan takdir, dan 4 peratus pula percaya bahawa musibah itu disebabkan oleh nasib yang tidak baik. Pandangan terhadap konsep takdir dan nasib ini juga boleh dilihat apabila peneroka diberikan satu pernyataan yang berkisar tentang apa yang dimiliki dalam hidup, iaitu adakah nasib bergantung pada takdir atau bergantung pada usaha. Daripada respons yang diberikan dapat disimpulkan bahawa peneroka masih percaya bahawa hidup ini ditentukan oleh takdir. Walaupun respons yang diterima pelbagai tetapi pandangan konsep takdir dan nasib ini dikategorikan kepada dua kepercayaan utama. Sebanyak 42 peratus peneroka berpendapat bahawa hidup “sebahagiannya ditentukan oleh usaha”, 19 peratus pula mengatakan “sebahagiannya takdir”, 9 peratus “sepenuhnya takdir” dan 21 peratus berpendapat hidup ini “sepenuhnya bergantung pada usaha”. Daripada respons, “sebahagiannya usaha, sebahagiannya takdir” dan “sepenuhnya takdir” boleh diletakkan dalam kelas yang sama, iaitu hidup masih ditentukan oleh takdir kecuali “sepenuhnya usaha” yang menunjukkan keupayaan mutlak terletak kepada manusia. Daripada respons peneroka dalam bahagian ini didapati bahawa peneroka masih berpegang pada konsep “nasib dan takdir” dalam kehidupan mereka.

Dapat disimpulkan bahawa, peneroka menepati ciri personaliti moden apabila memenuhi aspek “orientasi kepada perubahan” dan aspek “aspirasi”. Walau bagaimanapun, peneroka masih mengekalkan nilai dari aspek “kepercayaan”, iaitu menolak kuasa mutlak manusia untuk menentukan perubahan, sebaliknya masih meletakkannya kepada “takdir, qada’ dan qadar”. Hal ini menunjukkan pemodenan yang mereka alami tidaklah mengubah sistem nilai tradisi mereka secara keseluruhan. Keadaan ini berbeza dalam konteks Barat, pemodenan dikatakan sebagai kesediaan masyarakat mereka meliberalkan pemikiran tradisional.

BENTUK DAN CIRI PEMODENAN MASYARAKAT PENEROKA

Dalam bahagian awal makalah ini, diutarakan beberapa persoalan dalam ruang yang lebih kritikal terhadap pemodenan: adakah kesan pemodenan sama dalam konteks

semua masyarakat? Adakah pemodenan turut menuntut kompromi? Atau, lebih buruk lagi, peminggiran secara total terhadap nilai tradisional sesuatu masyarakat? Adakah persoalan ini boleh difahami melalui kerangka penjelasan tunggal mengikut pengalaman modenisasi Barat?

Daripada perbincangan sebelum ini, dapat diperhatikan bahawa pemodenan melalui rasionalisasi S&T yang dialami oleh masyarakat peneroka telah membawa perubahan dari segi sosial dan ekonomi sekali gus memperlihatkan perubahan dari segi bentuk dan ciri masyarakatnya. Daripada perbincangan sebelum ini dapat difahami bahawa proses ini bertujuan untuk menempatkan mereka sebagai pekerja di ladang milik FELDA, selain mengisi usaha kerajaan dalam melakukan penyusunan semula sosioekonomi golongan itu. Peneroka datang dari pelbagai negeri di Malaysia serta latar belakang yang berbeza dan keadaan ini membawa kepada campuran penduduk yang memberi bentuk dan ciri masyarakat yang baharu. Dari aspek hubungan sosial misalnya, hubungan antara peneroka dengan kakitangan FELDA memperlihatkan hubungan yang berasaskan keprofesionalan antara pekerja dengan majikan. Kakitangan, seperti pengurus, pegawai dan penyelia merupakan agen utama penyerapan pengetahuan sains kepada peneroka, dan mereka ini dianggap lebih berpengetahuan dalam soal itu. Penyerapan dan penyampaian pengetahuan sains melalui proses perkongsian maklumat dalam sistem ekonomi seperti ini mewujudkan hubungan baharu dalam masyarakat. Hubungan antara kakitangan dengan peneroka misalnya dikenali sebagai hubungan antara pelatih dengan peserta³⁰ atau penyampai mesej dengan penerima.³¹ Hubungan ini menunjukkan bahawa struktur sosial sesuatu masyarakat dipengaruhi inovasi teknologi. Dalam kes ini hubungan sosial bermula dengan keperluan untuk menyebarkan inovasi sains dan teknologi dan mewujudkan hubungan sosial baharu. Yang jelas dalam hubungan sosial seperti ini lahir daripada satu medium, iaitu “ekonomi”. Dalam konteks kajian ini, peneroka dibawa masuk ke tanah rancangan atas dasar memenuhi keperluan tenaga kerja di ladang kelapa sawit untuk menggerakkan satu sistem ekonomi.

Dalam masyarakat moden, penyampai mesej dilihat sebagai orang penting. Mereka dikatakan memiliki kemahiran teknikal yang diperlukan untuk menggerakkan ekonomi. Dalam sistem tradisional pula penghulu atau ketua kampung dianggap sebagai orang yang penting dalam masyarakat. Rasa hormat kepada orang yang lebih superior juga dikatakan lebih tinggi dalam sistem moden berbanding sistem tradisional.³² Hubungan antara penyampai mesej, iaitu pengurus, pegawai dan penyelia ladang dengan penerima, iaitu peneroka dapat dilihat di kawasan kajian. Hubungan antara peneroka dengan peneroka, peneroka dengan pengurus atau peneroka dengan penyelia memang diasaskan kepada hubungan dalam sistem ekonomi moden, tetapi daripada pemerhatian hubungan mereka tidak hanya setakat itu. Masyarakat di tanah

rancangan tersebut juga mempunyai hubungan sosial dalam bentuk lain. Peneroka menjalinkan hubungan yang baik sesama mereka dan juga dengan kakitangan dalam aktiviti sosial, seperti sukan, kebudayaan dan agama. Pengurus misalnya, bertindak sebagai penyampai atau penyalur maklumat inovasi dalam sistem ekonomi moden di tanah rancangan, turut dijemput untuk menghadiri kenduri kahwin atau majlis cukur jambul (menyambut kelahiran bayi) yang diadakan oleh peneroka. Semasa mengadakan kenduri kahwin, peneroka akan bergotong royong untuk menyediakan persiapan, seperti memasak dan memasang khemah.³³

Pihak pengurusan tanah rancangan ini menjalinkan hubungan sosial yang baik dengan peneroka. Pengurus juga sebagai contoh sering dijemput untuk merasmikan acara yang diadakan di tanah rancangan seperti aktiviti sukan yang dianjurkan oleh belia. Menurut pengurus, keadaan ini dapat mewujudkan hubungan dua hala yang baik antara pihak pengurusan dengan peneroka. Keadaan ini amat baik untuk mewujudkan keakraban dan saling memahami antara satu sama lain. Manfaat jangka panjang kesan hubungan yang baik antara pengurus dengan peneroka akan memudahkan lagi pengurus untuk memberi arahan kepada peneroka dalam soal yang berkaitan dengan kerja di ladang.³⁴ Hal ini dapat menerangkan strategi dalam proses penyebaran, iaitu hubungan yang baik antara penyampai dengan penerima akan membantu keberkesanan penyebaran maklumat. Jelas, keadaan ini menunjukkan bahawa masih ada nilai tradisional yang dikekalkan dalam proses modenisasi ini, walaupun tujuan sebenarnya masih bermotifkan rasional ekonomi.

Dalam kes modenisasi yang dilakukan oleh FELDA, beberapa ciri tradisional masih dikekalkan apabila dari segi hubungan sosial memperlihatkan hubungan yang lebih daripada bersifat profesional semata-mata. Majikan turut memberi tumpuan secara menyeluruh, bukan sahaja pembangunan fizikal dan ekonomi, malah juga dari aspek sosial. Hubungan sosial seperti ini mungkin wujud dalam bentuk modenisasi yang prosesnya diatur dan dirancang. Pemodenan masyarakat Melayu umumnya dilakukan melalui usaha dan peranan kerajaan serta peranan dan sifat asas ekonomi itu sendiri.³⁵ Jika dilihat dalam kes pemodenan oleh FELDA, pemodenan ini bolehlah dikatakan dilakukan melalui usaha dan peranan kerajaan. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya FELDA melalui kakitangannya di tanah rancangan mengawal hampir semua aspek pembangunan peneroka termasuk dari aspek pembangunan sosial. Mengheret kepada persoalan pertama yang diajukan pada awal perbincangan bahagian ini, dapatlah disimpulkan bahawa dari segi perubahan sistem sosial, pemodenan yang dialami oleh masyarakat peneroka memberi kesan modenisasi secara lazimnya. Walau bagaimanapun, hubungan sosial yang wujud dalam masyarakat mereka menunjukkan keunikannya yang tersendiri.

Satu persoalan yang juga biasa ditanya, adakah modenisasi semestinya diikuti dengan perubahan nilai? Persoalan ini memang menarik untuk dibincangkan. Jika faham Marx, Durkheim, Weber atau Habermass diterima, jawapannya sudah tentu modenisasi perlu merangkumi perubahan kesemua aspek termasuk nilai dan kepercayaan.³⁶ Namun, seperti yang telah ditunjukkan pada bahagian “perubahan nilai”, kelihatannya modenisasi tidak semestinya melibatkan perubahan dari aspek itu kerana sifat modenisasi menurut faham kemodenan pelbagai boleh sahaja mengambil bentuk berbeza dalam masyarakat berbeza. Dalam kes modenisasi yang dilakukan oleh FELDA sendiri, kelihatannya mengambil bentuk instrumental dan pada masa yang sama masih mengekalkan norma tradisional. Keunikan modenisasi di kawasan kajian juga ditunjukkan dari aspek personaliti moden dalam kalangan peneroka. Daripada kaji selidik yang dijalankan, didapati peneroka memenuhi sebahagian besar personaliti tersebut, iaitu memenuhi ciri dari aspek keterbukaan dan “kesediaan terhadap perubahan” dan “aspirasi”.³⁷ Hal ini ditunjukkan apabila peneroka misalnya mempunyai pandangan yang baik terhadap usaha pembangunan dan pemodenan yang dilakukan FELDA, serta mempunyai aspirasi yang tinggi terhadap pendidikan anak-anak mereka. Walau bagaimanapun, dari segi “kepercayaan” mereka masih berpegang kepada konsep “nasib dan takdir” ataupun “qada’ dan qadar”. Gambaran yang menarik ini menunjukkan bahawa mereka moden dari satu sudut, ekonomi dan industrialisasi, tetapi masih “tradisional” dari sudut yang lain, nilai dan kepercayaan.

Keadaan ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang menghairankan. Modenisasi yang dialami oleh masyarakat peneroka tidak boleh dijelaskan melalui pengalaman modenisasi Barat yang melibatkan perubahan dari semua aspek kemasyarakatan termasuk nilai. Masyarakat peneroka mengalami pemodenan melalui S&T yang boleh dijelaskan melalui prinsip TD, namun modenisasi yang berlaku itu memerlukan penjelasan berbeza. Sesuatu masyarakat boleh sahaja moden dari segi ekonomi dan pada masa yang sama tidak semestinya berubah dari segi kepercayaan. Mungkin ini juga menunjukkan perbezaan modenisasi yang berlaku di Barat apabila proses itu sebenarnya bermula dengan rasionalisasi bidang kemasyarakatan termasuk agama itu sendiri misalnya. Pemodenan dapat mengambil dua bentuk, seperti yang disentuh sebelum ini, iaitu sama ada dari segi kemasyarakatan atau kebudayaan, atau apa yang diistilahkan sebagai modenisasi kemasyarakatan dan modenisasi budaya.³⁸ Dari segi kemasyarakatan, sesuatu masyarakat itu dikatakan mengalami pemodenan apabila menggunakan kaedah atau cara yang rasional, seperti dalam sistem ekonomi dengan menggunakan sains dan teknologi, sementara dari segi kebudayaan, pemodenan melibatkan perubahan dalam nilai termasuk agama dan kepercayaan.

Oleh itu, modenisasi yang dilakukan di Timur tidak boleh diterangkan mengikut model modenisasi seperti yang berlaku di Barat. Modenisasi di Barat mempunyai

sejarahnya yang tersendiri. Weber sebagai contoh, mengaitkan modenisasi di Barat sebagai sesuatu yang lahir hasil daripada proses rasionalisasi yang berlaku dalam bidang kemasyarakatan, seperti agama, ekonomi, undang-undang dan muzik. Lahirnya sains moden ialah hasil daripada kompromi dan dialog antara bidang ini dan telah menyediakan akomodasi budaya (*cultural accommodation*) kepada masyarakat Eropah. Bagi Weber, modenisasi itu lahir dari rekonstruksi bidang kemasyarakatan itu yang sebenarnya menjadi prasyarat kepada proses modenisasi itu sendiri yang memerlukan dan melibatkan perubahan dalam agama dan kepercayaan.³⁹

Modenisasi di Timur berlaku tanpa proses rasionalisasi melalui dialog tersebut dan bersifat instrumental atau utilitarian sahaja, iaitu tidak berpunca atau melibatkan perubahan dalam nilai, seperti agama dan kepercayaan. Jadi, Timur menerima sains sebagai produk rasionalisasi dan menjadi simbol atau perwakilan kepada rasionalisasi itu sendiri, tanpa masyarakatnya “dipersiapkan” dengan kerangka asas yang selari dengan “budaya dan kepercayaan” baharu itu. Modenisasi yang dilaksanakan dalam konteks Malaysia sebagai contoh, merupakan kejuruteraan sosial dalam pemodenan Malaysia oleh kerajaan untuk melakukan perubahan kepada masyarakat.⁴⁰ Begitu juga dengan sejarah modenisasi Jepun yang mengambil fasa berbalik berbanding proses modenisasi Barat, iaitu bermula dengan modenisasi ekonomi, kemudiannya politik, budaya dan sosial.⁴¹ Modenisasi dalam konteks Malaysia juga mengambil bentuk yang sama.⁴²

Mengambil rangkuman menyeluruh daripada perbincangan makalah ini, pandangan terhadap pemodenan sebagai satu proses yang “wajib” bertoleransi dengan norma tradisional perlu diperhalus dalam analisis sosial yang lebih kritikal. Hal ini mungkin boleh dilakukan dengan membincangkan konsep “moden” itu sendiri melalui wacana modenisasi konvensional dan kemodenan pelbagai seperti yang cuba dibawa dalam makalah ini. Dalam konteks pemodenan Melayu sendiri, pendekatan seperti ini membolehkan penilaian yang lebih bernuansa dilakukan dan mungkin juga membebaskan “keterikatan” daripada belenggu takrif pemodenan dari perspektif yang sempit dan tertutup.

KESIMPULAN

Proses pemodenan Melayu melalui FELDA ini dilihat sebagai satu proses yang bersifat modenisasi kemasyarakatan, seperti berlakunya transformasi sosial dengan wujudnya sistem ekonomi perindustrian, pentadbiran organisasi yang birokratik, mobiliti dan urbanisasi selain melibatkan transformasi kognitif, iaitu hadirnya peningkatan kesedaran saintifik terhadap aplikasi S&T dalam masyarakat. Pemodenan bentuk ini bertentangan dengan modenisasi budaya yang menekankan

kepada toleransi budaya dan nilai sesuatu masyarakat sebagai syarat “wajib” kepada pemodenan yang juga kadangkala disalah erti dengan menonjolkannya sebagai kebimbangan melampau dalam melakukannya. Dalam konteks kajian ini kami berpandangan bahawa pemodenan masyarakat Melayu oleh FELDA bersifat instrumental dan mengambil bentuk yang berbeza daripada pengalaman pemodenan Barat. Masyarakat Melayu luar bandar mengalami pemodenan dari aspek ekonomi dan pada masa yang sama masih mengekalkan norma tempatan seperti nilai dan kepercayaan yang ditunjukkan dalam keunikan pemodenan mereka. Oleh itu, pemodenan masyarakat Melayu luar bandar ini tidak boleh diterangkan melalui konsep pemodenan konvensional yang menyatakan bahawa pemodenan ialah proses yang melibatkan perubahan dalam semua aspek kemasyarakatan termasuk meliberalkan norma tradisional sebaliknya pemodenan masyarakat tersebut menyokong idea kepelbagaian pemodenan seperti dianjurkan oleh konsep pemodenan pelbagai.

NOTA

- ¹ Syed Hussein Alatas, 1972. *Siapa yang Salah: Sekitar Revolusi Mental dan Peribadi Melayu*. Singapura: Pustaka Nasional.
- ² Robert E. McGinn, 1991. *Science, Technology and Society*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc., hlm. 30-48.
- ³ Tony Bilton, 1996. *Introductory sociology*. London: Macmillan.
- ⁴ *Ibid*, hlm. 28.
- ⁵ Neil J Smelser, 2006. *Social Change in the Industrial Revolution: An Application of Theory to the British Cotton Industry*. London: Taylor & Francis Group.
- ⁶ Everett M. Rogers, 1995. *Diffusion of innovations*. 4th edition. New York: The Free Press.
- ⁷ Oleh sebab teknologi dilihat sebagai produk akhir kepada sains, penggunaan istilah “teknologi” secara tunggal dalam konteks perbincangan ini, turut merujuk “sains”.
- ⁸ H. Mackay, Maples, W. dan Reynolds, P., 2001. *Investigating the Information Society*. London: Routledge.
- ⁹ TD terbahagi kepada dua aliran pemikiran, iaitu yang pertama teknologi dianggap sebagai faktor “utama” kepada perubahan sosial sementara aliran kedua mengambil pemahaman bahawa teknologi hanyalah salah satu faktor tetapi amat penting dalam proses perubahan masyarakat (Mackey, Maples dan Reynolds, 2001). Hal ini bermakna, TD dalam aliran pertama menegaskan bahawa perubahan teknologi sebagai satu “syarat wajib” kepada perubahan sosial dan ini dikenali sebagai *hard technological determinism* (HTD). Sementara TD dalam aliran kedua dikenali sebagai *soft technological determinism* (STD) dengan perubahan teknologi digambarkan sebagai faktor yang penting kepada perubahan sosial (McGinn, 1991).
- ¹⁰ Steve Jones (ed.), 2003. *Encyclopedia of New Media: an Essential Reference to*

- Communication and Technology*. New York: The Moschovitis Group.
- ¹¹ Tamio Hattori dan Tsuruyo Funatsu, 2003. The Emergence of the Asian Middle Classes and Their Characteristic dlm. *The Developing Economies*, XLI (2): 140-60, hlm. 142.
- ¹² Dilip Parameshar Gaonkar, 2001. "On Alternative Modernities" dlm. Dilip Parameshar Gaonkar (ed). *Alternative Modernities*,. Durham, NC: Duke University Press, hlm.1-23.
- ¹³ Lihat Hattori dan Funatsu, 2003.
- ¹⁴ S.N Eisenstadt, 2000. "Multiple Modernities" dlm. *Daedalus*, Winter 2000, 129(1): 1-29.
- ¹⁵ Maklumat diperoleh daripada hasil kerja lapangan di FELDA Semarak Jengka 15 dan *Manual Operasi Ladang Sawit Lestari*. Selain itu, lihat Yasir Mohd, (tahun tidak dinyatakan). *Penanaman Kelapa Sawit; Kaedah Mengatasi Masalah Secara Praktikal*. Kuala Lumpur: Synergy Media Books, dengan kerjasama Agro Media Group. Lihat juga Nagarethan Sithambaram, 1993. *Quality Management in the Palm Oil Plantation Industry*. Tesis Ijazah Sarjana, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- ¹⁶ Technoplant Sdn. Bhd. ialah anak syarikat yang dilantik FELDA untuk kerja teknikal ladang dan hanya terlibat dalam pengurusan ladang di Felda Semarak pada tahun 1997 semasa proses tanam semula. Oleh itu, kakitangannya tidak terlibat secara langsung dengan peneroka tetapi mereka berperanan membantu pihak pengurusan tanah rancangan dan mereka dikira sebagai agen modenisasi kerana mereka turut bekerjasama dengan kakitangan pengurusan FELDA di tanah rancangan tersebut.
- ¹⁷ Temu bual dengan En. A. Hamid Bin Mohd Ali, Pengurus FELDA Semarak Jengka 15, Pahang pada 27 Mac 2009, jam 10 pagi di Pejabat FELDA Semarak Jengka 15 dan berdasarkan Manual Operasi Felda.
- ¹⁸ *Ibid.*
- ¹⁹ *Ibid.*
- ²⁰ *Ibid.*
- ²¹ *Ibid.*
- ²² Everett M. Rogers, 1995. *Diffusion of innovations*. 4th edition. New York: The Free Press.
- ²³ David C. McClelland dan David G. Winter, 1969. *Motivating Economic Achievement*. New York: The Free Press.
- ²⁴ Robert E. McGinn, 1991. *Science, Technology and Society*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc. Merete Lie dan Ragnhild Lund, 1994. *Renegotiating Local Values: Working Women and Foreign Industry in Malaysia*. Routledge.
- ²⁵ *Ibid.*
- ²⁶ Tony Bilton, 1996. *Introductory Sociology*. London: Macmillan.
- ²⁷ Alex Inkeles dan David H. Smith, 1974. *Becoming Modern*. Cambridge: Harvard University Press.
- ²⁸ Untuk laporan kajian terperinci, sila lihat Mohd Zufri Mamat, 2011. *Pengaruh Sains*,

Teknologi dan Sistem Pengurusan ke atas Pemodenan Masyarakat Melayu Luar Bandar: Satu Kajian di Felda Semarak, Jengka 15 Pahang. Kajian ilmiah, Universiti Malaya.

²⁹ *Lihat Inkeles dan Smith, 1974.*

³⁰ *Lihat McClelland, 1969.*

³¹ *Lihat McGinn, 1991.*

³² *Lihat Inkeles dan Smith, 1974.*

³³ Dalam majlis seperti kenduri perkahwinan, kebanyakan peneroka yang juga merupakan jiran memberi kerjasama sepenuhnya membantu melakukan persiapan. Daripada temuramah penulis dengan peneroka, ada antara mereka yang tidak pergi ke ladang dan menunda urusan lain untuk menolong menguruskan majlis perkahwinan.

³⁴ Temu bual dengan Encik A. Hamid Bin Mohd Ali, Pengurus FELDA Semarak Jengka 15, pada 27 Mac 2009, jam 10.00 pagi di Pejabat Felda Semarak Jengka 15.

³⁵ Abdul Rahman Embong, 2002. *State-led Modernization and the New Middle Class in Malaysia.* London: Palgrave.

³⁶ *Lihat Eisenstadt, 2000.*

³⁷ Walau bagaimanapun nilai rasional seperti ini; seperti aspirasi yang tinggi misalnya, tidak hanya boleh dicapai atau dirangsang semata-mata melalui pembangunan dan modenisasi itu tadi; tetapi tidak juga ditolak bahawa nilai ini mungkin juga dipengaruhi oleh kedua-dua elemen itu. Hal ini memperlihatkan satu lagi sifat unik pemodenan yang mempunyai dua wajah, iaitu di satu sisi mempamerkan “nilai rasional” yang bersifat sepunya dan di satu sisi menawarkan “wajaran” berbeza dan terbuka. Nilai rasional seperti “menepati waktu” misalnya merupakan nilai sepunya namun alasan falsafah untuk mematuhiya mungkin berlainan dalam masyarakat yang berbeza; nilai yang diajarkan oleh Islam mungkin menjadi alasan bagi orang Melayu dan bagi orang Barat mungkin nilai yang terdapat dalam ajaran Protestan.

³⁸ *Lihat Hattori, Tamio dan Funatsu, Tsuruyo, 2003.*

³⁹ Mohd Hazim Shah, “Historicising Rationality: The Transmission of Rationality and Science to the Malay States under British Rule” dlm. *Asian Journal of Social Science*, 35: 216-41, 2007.

⁴⁰ Christopher A. Furlow, “Malaysian Modernities: Cultural Politics and the Construction of Muslim Technoscientific Identities” dlm. *Anthropological Quarterly*, 82, hlm. 197-228, 2009.

⁴¹ *Lihat Hattori dan Funatsu, 2003.*

⁴² *Lihat Mohd Hazim Shah, 2007.*

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong, 2002. *State-led Modernization and the New Middle Class in Malaysia*. London: Palgrave.
- Alex Inkeles dan David H. Smith, 1974. *Becoming Modern*. Cambridge: Harvard University Press.
- Christopher A. Furlow, "Malaysian Modernities: Cultural Politics and the Construction of Muslim Technoscientific Identities" dlm. *Anthropological Quarterly*, 82, hlm. 197-228, 2009.
- David C. McClelland dan David G. Winter, 1969. *Motivating Economic Achievement*. New York: The Free Press.
- Dilip Parameshwar Gaonkar, 2001. "On Alternative Modernities" dlm. Dilip Parameshwar Gaonkar (ed). *Alternative Modernities*. Durham, NC: Duke University Press, hlm. 1-23.
- Everett M. Rogers, 1995. *Diffusion of innovations*. 4th edition. New York: The Free Press.
- H. Mackay, Maples, W. dan Reynolds, P., 2001. *Investigating the Information Society*. London: Routledge.
- Mohd Hazim Shah, "Historicising Rationality: The Transmission of Rationality and Science to the Malay States under British Rule" dlm. *Asian Journal of Social Science*, 35: 216-41, 2007.
- Neil J Smelser, 2006. *Social Change in the Industrial Revolution: An Application of Theory to the British Cotton Industry*. London: Taylor & Francis Group.
- Ragnhild Lund, 1994. *Renegotiating Local Values: Working Women and Foreign Industry in Malaysia*. Routledge.
- Robert E. McGinn, 1991. *Science, Technology and Society*. New Jersey: Prentice- Hall, Inc. Merete Lie.
- S.N Eisenstadt, "Multiple Modernities" dlm. *Daedalus*, Winter, 129(1): 1-29, 2000.
- Steve Jones (ed.), 2003. *Encyclopedia of New Media: an Essential Reference to Communication and Technology*. New York: The Moschovitis Group.
- Syed Hussein Alatas, 1972. *Siapa yang Salah: Sekitar Revolusi Mental dan Peribadi Melayu*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Tamio Hattori dan Tsuruyo Funatsu, 2003. "The Emergence of the Asian Middle Classes and Their Characteristic" dlm. *The Developing Economies*, XLI (2): 140-160, hlm.142.
- Temu bual dengan Encik A. Hamid Bin Mohd Ali, Pengurus FELDA Semarak Jengka 15, Pahang pada 27 Mac 2009, jam 10 pagi di Pejabat FELDA Semarak Jengka 15 dan berdasarkan Manual Operasi Felda.
- Tony Bilton. 1996. *Introductory Sociology*. London: Macmillan.